

1

PERANAN INSTITUSI ADAT DI DALAM PEMBANGUNAN DAN PENTADBIRAN TANAH¹

Oleh:
NORHALIM HJ. IBRAHIM

PENDAHULUAN

Adat Perpatih merupakan kebudayaan orang Melayu tempatan Negeri Sembilan². Sebagai satu kebudayaan Adat Perpatih adalah satu sistem kompleks yang terkandung dalamnya pengetahuan, kepercayaan, kesenian, moral, estetika, undang-undang, adat resam dan segala kebolehan yang dipelajari oleh individu sebagai ahli masyarakat pengamalnya dan yang membezakannya dengan masyarakat lain. Dasar utama kebudayaan ini adalah penjuraian keturunan mengikut nasab ibu.

Masyarakat Negeri Sembilan telah mengamalkan sistem ini tidak kurang daripada 600 tahun yang lalu. Dalam tempoh begitu panjang, adat ini telah mengalami pelbagai perubahan akibat kemasukan anasir-anasir budaya luar.³ Perubahan yang paling ketara telah berlaku pada permulaan abad ini apabila penjajah Inggeris telah mengenepikan hampir seluruh struktur dan organisasi sistem adat ini dan menggantikannya dengan sistem birokrasi moden - ala barat ke dalam kehidupan masyarakat negeri

ini. Momentum perubahan, terutama sekali dari segi nilai dan pandangan hidup ini semakin ketara apabila rakyat negara ini didedahkan dan terdedah kepada nilai-nilai barat, terutamanya dari Amerika Syarikat yang disalurkan melalui media massa.

Kesinambungan kebudayaan Adat Perpatih adalah melalui tradisi lisan. Penurunan secara lisan ini telah menyebabkan kehilangan dan tokoh tambah elemen-elemen dan aspek-aspek sistem itu. Pendokumentasian tradisi lisan ini hanya mula dilaksanakan pada pertengahan abad ke-19 oleh pegawai tadbir Inggeris; dan kerja ini berlanjutan sehingga pertengahan abad ke-20⁴. Tujuan utama usaha mereka bukan untuk mendidik anak-anak watan tentang perjalanan sistem Adat Perpatih tetapi bermatlamat untuk menyenangkan proses demokrasi dan melicinkan jentera pentadbiran. Dengan demikian, apa yang didokumentasikan itu bukan perjalanan adat yang ideal dan yang praktikal bagi anak watan tetapi merupakan interpretasi yang disesuaikan dengan kepentingan mereka sebagai penjajah. Oleh sebab

bahan-bahan tersebut ditulis dalam bahasa Inggeris, maka masyarakat tempatan, terutamanya para penggerak adat iaitu pemimpin adat sendiri tidak dapat menghayatinya, sama ada menerima atau menolak kebenaran tulisan mereka.

Pendokumentasian oleh anak-anak watan bermula pada sekitar pertengahan abad ke-20. Malangnya, kebanyakan daripada kajian dan tulisan mereka itu adalah menggunakan hasil penulisan penjajah sebagai punca rujukan utama. Ini bererti mereka juga telah meneruskan tradisi pendokumentasian penjajah. Walaupun dokumentasi ini banyak ditulis dalam bahasa Melayu, namun ia adalah dalam bentuk penulisan ilmiah yang tersimpan dalam perpustakaan ataupun termuat dalam jurnal akademik yang tidak sampai ke tangan anak watan. Dengan demikian, sekali lagi pembesar-pembesar adat tercicir dari segi menelaah struktur, organisasi dan fungsi Adat Perpatih itu.

Apa yang ada dalam pengetahuan pembesar-pembesar adat tentang Adat Perpatih mulai dari awal abad ke-20 adalah secebis dan yang "simple" daripada keseluruhan yang sangat kompleks. Kesecebisan pengetahuan mereka tentang

kebudayaan yang mereka menjadi tiang dan pagarnya adalah kerana mereka sejak awal abad ke-12 tidak lagi berfungsi. Ketidak berfungsi ini membuat mereka leka daripada mempelajari, memahami dan mendalami adat masyarakat yang mereka pimpin. Dengan demikian, mereka telah mengabaikan tugas, rol dan peranan mereka. Kemerosotan ini menyebabkan mereka hari ini berada dalam dilema - gah dengan gelaran tetapi kosong dalam kewibawaan dan kekuasaan.

Tanah dan Adat Perpatih

Masyarakat Adat Perpatih ialah masyarakat tani. Kebanyakan mereka terdiri daripada pesawah. Ini terbukti melalui perbilangan-perbilangan yang antara lain adalah:

Sebingkah tanah terbalik,
Sehelai akar putus,
Sebatang kayu rebah.

Nan becah ditanam benih,
Nan keras dibuat ladang.

Kok sawah dah berjinjang,
Kok ladang dah berbidang,
Kok bandar dah berliku-liku.

Sawah berjinjang dek nan datar,
Ladang berbidang dek nan lereng,
Bandar berliku dek bukit.

Sawah dah berlantak,
Ladang dah beranji.

Bumi senang, padi menjadi;
Padi kuning, jagung memupas;
Sanak berkembang biak,
Anak buah senang sentiasa,
Bapa kaya emak beremas,
Ketepi bergantung urai;
Ketengah bergantung padi.

Seperti mana masyarakat tani lain di dunia, tanah ialah harta utama mereka. Sebelum abad ke-20, tanah di Negeri Sembilan terbahagi kepada dua jenis utama iaitu tanah waris dan tanah suku. Tanah waris ialah tanah 'kepunyaan' Penghulu atau Undang. Tanah suku pula ialah tanah yang telah diberikan atau diakokkan atau diompokkan untuk diusahakan oleh sesuatu suku. Dengan demikian, pada ketika itu, tanah di kalangan masyarakat Adat Perpatih adalah milik korporat kepunyaan kumpulan kekeluargaan suku. Pada ketika itu konsep geran tanah tidak wujud. Ini bererti tanah tidak dipunyai atau dimiliki oleh individu.

Kedua-dua jenis tanah ini dikelolakan dan ditadbirkan oleh Lembaga suku berkenaan. Tanah waris, walaupun 'diakukan' atau pada teorinya sebagai kepunyaan Penghulu atau Undang, dari segi praktikal iaitu penjagaan dan

pengusahaannya adalah dalam bidang kuasa Datuk Lembaga suku Penghulu atau Undang. Dengan demikian, penggunaan dan pembangunan tanah adalah di bawah *pentadbiran* Datuk Lembaga suku; tetapi bukan kepunyaan mutlak beliau. Peranan adat Datuk Lembaga sebagai pentadbiran tanah pada zaman belum Inggeris sama dengan Pegawai Pembangunan Negeri atau Daerah hari ini. Konsep ini sejajar dengan perbilangan: *pinang sejajar lembaga yang punya*.

Masyarakat hari ini, termasuk datuk-datuk lembaga, kurang faham akan maksud perbilangan ini. Perbilangan ini, seperti juga perbilangan lain, mempunyai maksud berlapis atau menggunakan perlembagaan. Rangkai kata 'pinang sejajar' itu melambangkan tanah pusaka termasuk sawah, kilang dan tanah kawasan perumahan. Kata 'punya' di akhir perbilangan itu pula membawa erti tanggungjawab, rol dan peranan yang terletak di atas bahu Datuk Lembaga suku yang berfungsi sebagai pemimpin masyarakat atas ahli-ahli sukunya. Tugas dan fungsi Datuk Lembaga, menurut perbilangan ini ialah 'ayah' atau 'penjaga' kepada ahli, harta dan segala yang bersabit dengan keharmonian, kemajuan, keselamatan, kemakmuran dan

kemewahan hidup anggota sukunya.
Lembaga atau pemimpin adat
mengikut kata perbilangan adalah:

Tumbuhnya dek ditanam.
Tingginya dek dianjung.
Besarnya dek diampu.

Lubuk akal,
Lautan budi.

Pergi tempat bertanya,
Pulang tempat berberita.

Didulukan selangkah,
Ditinggikan seranting,
Ibarat air nan jernih,
Tempurung nan leper.

Bak pokok beringin di tengah
padang;
Nan berpucuk sebenar bulat,
Nan berpucuk sebenar tunggang,
Urat lembaga matan,
Berbatang sendi andika,
Berdahan cupak yo gantang,
Beranting baris belabeh,
Berbunga mungkin yo putik,
Berdaun rimbun dek adat.

Berkata nan benar,
Tinggi tampak jauh,
Dekat nan bersua,
Mengiring saling selisih.

Kok batang tempat bersandar,
Kok dahan tempat bergantung,

Kok buah untuk dimakan,
Kok daun untuk berlingdung;
Tempat berlingdung kepanasan,
Tempat berteduh kehujanan.

Kok malu membangkitkan,
Kok haus memberi air,
Kok litak memberi nasi,
Kok hilang mencari,
Kok sakit mengubati,
Kok mati menanam.

Pendek kata, Datuk Lembaga sebagai orang yang dituakan adalah penjaga atau *guardian* kepada segala yang ada dalam sukunya, baik berupa kebendaan mahupun bukan kebendaan, hatta nyawa anak buahnya. Oleh sebab demikian sekali besar tanggungjawab seorang Datuk Lembaga terhadap sukunya maka ia diperbilangkan sebagai 'mempunyai' pinang sejajar. Oleh itu, kata 'punya' dalam perbilangan di atas tadi tidak membawa maksud hak milik individu (di sini Datuk Lembaga) secara peribadi.

Dalam konteks pengertian ini, tanggungjawab Datuk Lembaga ke atas tanah pusaka adat adalah antara lain:

1. Memastikan agar semua tanah itu diusahakan.
2. Pengusahaan itu harus berjalan

mengikut sistem-sistem penanaman tertentu atau musim.

3. Memastikan kesemua bahan-bahan, baik kebendaan atau bukan kebendaan termasuk upacara-upacara ritual⁶ ada, tersedia dan lengkap.
4. Memastikan yang setiap anggota sukunya bersaing secara sihat antara satu sama lain agar membuahkan hasil yang lumayan dan tidak 'memalukan sukunya'.

Selanjutnya, dalam konteks pengertian ini, mana-mana keluarga berhak meneroka tanah baharu jikalau tanah yang didiaminya tidak mencukupi lagi untuk menampung keperluan keluarga dengan hanya memberitahu ketua kelompok sukunya, Datuk Lembaga. Beliau pula dengan kerjasama Buapak (ketua kelompok perut), Besar (ketua kelompok ruang) dan Kadim (ketua kelompok rumpun) akan mengompakkan kawasan tertentu (hutan dara) kepada suku tersebut. Hutan dara itu pula dipohon daripada Penghulu atau Undang yang akan mengompakkan sebahagian daripada tanah waris kepada suku berkenaan (Norhalim Hj. Ibrahim, 1994:64). Sebaliknya pula, jikalau keluarga berkenaan gagal

mengusahakan tanah yang sedia ada iaitu menjadi tanah terbiar, maka ketua suku (Lembaga) atas nasihat Buapak dan Besar, selepas memberi nasihat dan amaran, berhak mengambil kembali tanah tersebut (Norhalim Hj. Ibrahim, 1977). Tanah yang diambil itu akan diserahkan kepada unit keluarga lain dalam suku berkenaan, yang memerlukannya. Tegasnya, sistem Adat Perpatih memerlukan ahli-ahlinya berusaha dan terus berusaha sepanjang masa.

Pengusahaan Tanah

Di bawah keadaan demikian, pada zaman tradisional masyarakat adat ini mempunyai sistem koperasi dalam kerja dan memperkongsi sumber-sumber secara meluas dan menyeluruh. Adat mengatakan:

Laksana sirih serumpun,
Laksana nyior setali,
Serangkap bak lembing,
Sebungkus bak nasi,
Sekocong bak tanah;
Berlopak bak sawah.

Duduk berpelarasan,
Dekat rumah dekat kampung,
Sehalaman sepermainan;
Seperigi sepermainan,
Segayung sepergiliran.
Sejamban seperulangan.

Muafakat tak bertukar,
Rahsia tak berubah.

Ibarat labu menjalar ke hulu,
Ibarat kundur menjalar ke hilir
Pangkalnya sama di pupuk,
Pucuknya sama digentis,
Buahnya sama ditarik.

Bukit sama didaki,
Lurah sama dituruni,
Laut sama direnangi,

Laba sama dikutip,
Rugi sama ditatangi.

Hati kuman sama dicicah,
Hati gajah sama dilapah;
Berat sama dipikul,
Ringan sama dijinjing;
Cicir sama rugi,
Dapat sama laba.

Pangkal sama dipupuk,
Pucuk sama ditetas,
Bunga sama dipetik.

Adat ini memberi nilai terhadap tenaga kerja ahli kelompoknya dan mengamalkan tindakan timbal balik atau kerjasama, bukan sahaja melibatkan kegiatan ekonomi tetapi juga diluaskan dalam semua aspek hidup seharian yang lain seperti menjaga anak, sokongan emosi, mempengaruhi dan menyokong dalam membuat keputusan dan sebagainya. Kata adat:

Dicari kata nan sebuah,
Dicari benar nan seukur.

Bulat air dek pembetung,
Bulat kata dek muafakat;
Bulat baru digolekkan,
Pipih baru dilayangkan;
Bulat nan tak bersudut,
Pipih nan tak bersanding.

Datar bak lantai papan,
Licin bak lantai kulit.

Terpaut makanan lantak,
Terkurung makanan kunci,.

Nan buta penghembus lesung,
Nan pekak pembakar meriam,
Nan lumpuh penunggu rumah,
Nan kuat pembawa beban,
Nan dungu disuruh arah,
Nan cerdik lawan berunding,
Nan tua tempat bercerita,
Nan cerdik tempat bertanya,
Nan pandai tempat berguru.

Kegiatan adat dalam melaksanakan semua aktiviti secara bekerjasama dan bergotong-royong dan tidak mementingkan status dan kedudukan peribadi seperti di-bilangkan: *kok besar jangan melanggar, kok cerdik jangan menipu*, adalah untuk menjamin segala kegiatan itu mencapai kejayaan. Kegagalan bermakna individu yang mewakili kelompok-

kelompok kekeluargaan ruang, rumpun, perut dan suku atau tegasnya, seluruh masyarakat adat akan mendapat kesusahan dan malu; seperti kata perbilangan:

Kok tanah sebingkah, dah
berpunya;
Kok rumput sehelai, dah
berpunya;
Malu nan belum beragih.
Puar nan kena cincang,
Dedalu nan bergerak.

Dek emas segala kemas,
Dek padi segala jadi,
Elok lenggang di nan datar.

Yang paling malu jika berlaku kegagalan ialah Datuk Lembaga; dan dia, sebagai yang 'empunya' pinang sejajar dipertanggungjawabkan atas kegagalan itu (Norhalim Hj. Ibrahim, 1993:127-132). Kata adat:

Alang tukang terbuang kayu,
Alang cerdek binasa adat,
Alang alim rosak agama,
Alang sefaham kacau negeri.

Dek ribut bergoncang lalang,
Kataja penjalin pantai.

Berburu ke Padang Datar,
Dapat rusa belang kaki;
Berguru kepalang ajar,
Bak bunga kembang tak jadi.

Perubahan dalam Men- tadbirkan Tanah

Apabila Inggeris menjajah Negeri Sembilan, konsep hak milik koperat ke atas tanah suku telah hapus. Penghapusan konsep ini berlaku secara perlahan-lahan dan berperingkat-peringkat. Melalui Peraturan Tanah 1887 yang mula-mula diperkenalkan di Kuala Pilah, secara tidak langsung telah menghapuskan peranan ketua-ketua adat ke atas tanah. Antara lain peraturan ini memperuntukkan:

1. Kalau masa dahulu tanah adalah kepunyaan waris dan suku, kini tanah adalah kepunyaan kerajaan.
2. Kalau dahulu tiada dikenakan sebarang cukai di bawah pentadbiran baru, pemilik dikenakan cukai.
3. Kalau dahulu tiada dokumen hak milik, di bawah pentadbiran British tanah didaftar dan diberikan dokumen hak milik.
4. Dahulu pentadbiran bagi pewarisan dan pembahagian tanah diuruskan oleh ketua-ketua adat; kini sebarang urusan tanah mestilah dibawa kepada Pemungut Hasil Tanah (Nadzan Haron, 1994:14).

Antara peruntukan tersebut mungkin yang paling mencabar pentadbiran tanah tradisional adalah sekiranya tanah ditinggalkan selama tiga bulan berturut-turut, notis akan dikeluarkan kepada tuan tanah supaya memajukannya semula dalam tempoh enam bulan. Kegagalan mematuhi peraturan ini membolehkan Pemungut Hasil Tanah berkuasa memansuhkan hak milik tersebut.

Bermula dari tahun tersebut (1887) beberapa peraturan lain (1889 dan 1887) telah diperkenalkan. Bagaimanapun ketiga-tiga peraturan ini belum dapat dikatakan sebagai satu undang-undang tanah yang khas bagi pentadbiran tanah adat. Ketiga-tiga peraturan ini mempunyai kelemahan dari segi pemindahan hak milik, pewarisan dan pembahagian tanah. Bagi mengatasi kelemahan undang-undang yang ada, satu undang-undang khas untuk pentadbiran tanah masyarakat adat telah digubal pada tahun 1909 dan dinamakan *Customary Tenure Enactment*.

Pada praktiknya didapati peruntukan dalam enakmen ini tidak dapat mencapai tujuan sepenuhnya. Dalam masa 17 tahun enakmen 1909 berkuatkuasa terdapat banyak kes yang membawa konflik,

menyebabkan Pegawai Tanah yang bertugas menghadapi kerumitan dalam melaksanakan pentadbiran tanah masyarakat adat. Dengan itu pada tahun 1926 satu lagi undang-undang tanah yang dikenali sebagai *Customary Tenure Enactment 1926* telah diperkenalkan. Enakmen 1926 ini adalah merupakan undang-undang yang kekal digunakan untuk pentadbiran tanah adat dalam Negeri Sembilan sehingga hari ini.

Walaupun Enakmen 1926 merupakan undang-undang yang menjadi teras pentadbiran mengikut peraturan adat namun demikian terdapat banyak masalah dalam pelaksanaannya. Untuk mengatasi masalah-masalah ini beberapa pindaan telah dilakukan. Pindaan pertama telah dilakukan pada tahun 1930 yang dikenali sebagai *Negeri Sembilan Enactment No. 1 of 1930*. Ini diikuti pula oleh pindaan pada tahun 1932 (*Negeri Sembilan, State Council, Enactment No. 1 of 1932*). Pada tahun 1934 satu lagi pindaan telah dibuat. Pada tahun 1936, *Land Code 1926* dan *Customary Tenure Enactment 1926* telah dikaji semula demi mewujudkan satu undang-undang tanah adat yang lengkap. Hasil daripada kajian ini ialah *Land Code 1936 Cap. 138* dan *Customary Tenure Enactment Cap. 215*. Semua peruntukan dalam *Custom-*

ary Tenure Enactment 1926 serta pindaan-pindaan 1930, 1932 dan 1934 dikekalkan ke dalam satu *statute* yang dikenali sebagai *Customary Tenure Enactment Chapter 215 of the Revised Laws of the FMSS 1936*. Undang-undang ini dikuatkuasakan ke atas pentadbiran tanah adat sehingga hari ini (Nadzan Haron, 1994:27). Dalam pada itu, ini tidaklah pula bererti tiada lagi pindaan dibuat kerana apabila kerajaan berubah, pindaan terpaksa dilakukan untuk penyesuaian dengan bentuk pentadbiran baru serta sesuai dengan masa dan keadaan.

Apa yang jelas daripada segala pembentukan dan pindaan ke atas undang-undang tanah adat ini adalah kuasa ketua adat khususnya Datuk Lembaga semakin merosot; malahan dapat dikatakan bahawa dalam keadaan hari ini mereka tidak berkuasa lagi.

Tanah Adat Hari Ini

Berikutan dengan penguatkuasaan undang-undang tanah tersebut, keluasan tanah adat semakin berkurangan. Tanah adat di Negeri Sembilan hari ini hanya seluas lebih kurang 13,981.94 hektar atau 2.1 peratus daripada keluasan negeri (lihat Jadual 1).

Hampir keseluruhan tanah adat ialah tanah pertanian. Perubahan sosial yang pesat hari ini telah mengubah tanggapan masyarakat adat Negeri Sembilan terhadap pertanian. Mereka tidak lagi menganggap aktiviti pertanian sebagai punca utama pendapatan. Anak muda yang berpendidikan tidak lagi berminat menyertai bidang pertanian kerana tidak menjamin pulangan yang lumayan berbanding dengan kerjaya di sektor-sektor lain terutamanya di sektor perindustrian⁷. Akibatnya hampir seluruh tanah adat, terutamanya tanah sawah menjadi terbiar. Ketika Negeri Sembilan mengalami pembangunan dan kemajuan pesat adalah satu yang merugikan jika tanah adat, walaupun peratusnya kecil, terus terbiar.

Masalah Tanah Adat Terbiar

Memajukan tanah adat dianggap sesetengah pihak sebagai usaha yang sukar. Untuk mengatasi masalah ini, satu enakmen iaitu Enakmen Tanah Adat (Pindaan) 1983 telah memberi nilai ekonomi pada tanah adat. Peruntukan ini memberi ruang dalam usaha memajukan tanah adat terbiar secara komersial. Antara peruntukan penting enakmen ini adalah

membenarkan tanah adat dicagarkan kepada pentadbir tanah daerah, institusi kewangan dan koperasi yang diiktiraf kerajaan. Tanah adat juga boleh dimajukan secara usaha sama dengan agensi kerajaan seperti Jabatan Pertanian. Di samping itu, kerajaan negeri juga menggalakkan tanah adat diusahakan dengan pihak swasta bagi memajukan tanah tersebut.

Walaupun pihak kerajaan Negeri Sembilan telah berusaha membangunkan tanah adat, namun setakat ini sambutan yang diberikan tidak memuaskan. Malahan Jabatan Pertanian Negeri Sembilan walaupun giat memajukan tanah terbiar, tidak mempunyai program khusus untuk memajukan tanah adat terbiar. Ini bermakna, masalah pembangunan tanah adat bukan lagi berpunca dari faktor luar khususnya nilai ekonomi tetapi dari faktor adat itu sendiri. Namun, melihat sistem adat itu terutama sekali dari aspek adat (aturan) aktiviti ekonominya⁸ faktor penghalangnya bukan Adat Perpatih itu sebagai satu sistem tetapi beberapa orang pengamal dan pemimpin adat sebagai individu yang kebetulan pengamal Adat Perpatih.

Usaha Memajukan Tanah Adat (Kajian Kes di Rembau)

Usaha mentadbir dan membangunkan tanah adat terbiar ini telah sering menjadi forum dan tajuk seminar baik di peringkat kampung ataupun peringkat nasional⁹. Beberapa daerah (luak) telahpun mengambil langkah untuk menjalankannya. Antara yang agak maju sejauh pengetahuan saya telah berjalan di daerah Rembau.

Pada bulan Jun 1994 satu Jawatan Kuasa Projek Sawah Terbiar (Tanah Adat) Daerah Rembau telah ditubuhkan. Ahli jawatankuasa ini dianggotai oleh lima orang Datuk Lembaga yang tanah adat suku mereka dikenal pasti untuk dimajukan. Setiap orang Datuk Lembaga itu telah pun menubuhkan satu jawatan kuasa kerja pada peringkat suku. Penubuhan rasmi jawatan kuasa induk ini, berdasarkan surat PBULR/075(18) bertarikh 26 Oktober 1993, telahpun mendapat restu Balai Undang Rembau.

Dalam usaha jawatan kuasa ini, beberapa orang pemaju termasuk pemaju dari Korea telah dikenal pasti dan bersetuju

memajukan tanah-tanah sawah terbiar di daerah Rembau seluas 3,591 hektar. Berikutan dengan adanya sambutan itu, beberapa projek telah dijalankan (Lihat Jadual 2).

Dalam menjalankan projek ini, beberapa kelemahan dan kesulitan telah dihadapi. Antaranya adalah:

1. Sukar membuat perjanjian.
2. Ada peserta yang melanggar syarat perjanjian dengan meminta keluar selepas tanah mereka dimajukan.
3. Saudara lelaki peserta menghasut dan memberi pandangan negatif.
4. Terlalu ramai nama dalam satu geran.
5. Ramai bukan peserta campurtangan.
6. Tuan tanah telah lanjut usia.
7. Kurang tenaga kerja
8. Tuan tanah tidak dapat dihubungi.

Masalah-masalah ini atas daya usaha pihak tertentu dan berkenaan terutama sekali Datuk-

datuk Lembaga yang inginkan kemajuan anak-anak buah dan tanah adat sukunya telah dapat diatasi.

Akhir-akhir ini atas sebab halangan daripada beberapa orang Datuk Lembaga yang tidak terlibat dalam usaha ini, beberapa projek tersebut terpaksa dibatalkan atau ditangguhkan. Ini mengakibatkan pihak pemaju/pengusaha mendapat kerugian. Kes yang paling akhir ialah Projek Membangun Tanah Sawah Terbiar (Tanah Adat) Kampung Chengkau Ulu, Kota. Pihak pemaju/pengusaha telah mengeluarkan wang sagu hati (pendahuluan) sejumlah RM14,379.00 kepada 53 orang tuan tanah adat. Setelah wang dikeluarkan atas desakan dan halangan sebilangan kecil Datuk Lembaga serta orang-orang tertentu projek ini telah ditangguhkan tanpa diketahui sampai bila. Kepada pemaju/pengusaha penangguhan yang mungkin berakhir dengan pembatalan langsung projek ini adalah satu kerugian dari segi penanaman modal, tenaga dan masa. Keadaan ini, yang bukan berlaku pertama kalinya telah menakutkan pengusaha, pemodal dan pemaju untuk melabur lagi dalam projek pemulihan tanah adat terbiar. Andainya ini berlaku, maka semua pihak yang terlibat khususnya

tuan-tuan tanah adat terbiar tidak dapat membangunkan tanahnya dan mendapat ganjaran yang agak lumayan.

Rumusan Kegagalan Projek

Daripada huraian ringkas di atas, kegagalan projek pemulihan tanah adat terbiar di Rembau ini adalah antara lain disebabkan oleh:

1. Sebahagian pemimpin adat tidak berwawasan untuk memajukan tanah yang kononnya 'ke-punyaan' mereka. Mereka berdasarkan hak milik ini atas perbilangan: *Pinang sejajar Lembaga Yang Punya*.
2. Kenostalgiaan sebahagian adat tentang zaman kegemilangan Adat Perpatih pada abad-abad sebelum akhir abad ke-19. Mereka lupa bahawa hari ini kuasa mereka ke atas tanah pusaka adat, berdasarkan enakmen tanah dan pindaan-pindaan yang berikutnya, hampir tiada. Yang berkuasa penuh ialah Pegawai Pemungut Hasil Tanah dan tanah keseluruhannya adalah tanah kerajaan; bukan lagi tanah waris atau tanah suku. Peranan ketua adat hari ini boleh dikatakan terhad hanya dalam hal adat istiadat sahaja, itupun jikalau dipelawa bersama.
3. Pemimpin-pemimpin adat hari ini tidak faham semangat dan falsafah yang terkandung dalam sistem pentadbiran dan pengu-rusan tanah pusaka adat.
4. Pemimpin-pemimpin adat tidak jelas tentang tujuan dan matlamat di sebalik usaha kerajaan membangunkan tanah adat terbiar. Secara tidak langsung dengan bekerjasama dalam usaha ini, pemimpin adat:
 - a. Mengenali anak buah masing-masing.
 - b. Memahami masalah anak buah masing-masing.
 - c. Jika berjaya, anak buah akan memberi penilaian baru kepada mereka sebagai pemimpin adat yang kini hanya gah dengan gelaran sahaja.

Selain faktor adat yang antaranya telah dinyatakan di atas, faktor luar perlu juga diambil kira. Telahpun dinyatakan bahawa konstrain yang besar adalah nilai ekonomi tanah adat; tetapi dengan adanya Enakmen 1983, halangan ini telah dapat diatasi. Namun dalam mengimplimentasikan sebarang projek pembangunan tanah adat;

dua pihak iaitu pemimpin moden dan pemimpin tradisional atau adat memainkan peranan. Ini bermakna pemimpin-pemimpin moden yang terdiri daripada ahli-ahli politik, pemimpin tidak formal dan khususnya pegawai-pegawai kerajaan harus bekerjasama dengan pemimpin adat.

Dalam konteks ini pegawai-pegawai kerajaan yang terdiri daripada Pegawai-pegawai Daerah, Penolong-penolong Pegawai Daerah, Ketua-ketua Jabatan dan pegawai-pegawai pengimplimentasi polisi lain yang bertugas di Negeri Sembilan harus memahami beberapa perkara tentang masyarakat adat Negeri Sembilan. Antara yang utama adalah:

1. Faham dan tahu tentang semangat, falsafah dan aturan Adat Perpatih. Pengetahuan tentang adat ini bukan hanya setakat teori tetapi dari segi praktikalnya juga.
2. Memahami dan mengambil kira kenostalgia pemimpin-pemimpin adat hari ini dalam segala aktiviti yang bersangkutan dengan adat. Dengan demikian mereka harus bertindak balas dengan sewajarnya agar ketua-ketua adat tidak berasa terlalu sensitif.
3. Memahami tentang keperibadian dan psikotologi orang-orang adat, khusus dan terutamanya pemimpin-pemimpin adat dari lapisan atasan hari ini. Dengan memahami kedua-dua unsur ini, yang dibayangkan dalam empat perkara di atas tadi, berkemungkinan besar membolehkan pegawai-pegawai kerajaan dan pemimpin-pemimpin lain hari ini memasuki alam mereka (pemimpin-pemimpin adat) dan mendapat kerjasama mereka dalam melaksanakan sebarang projek yang berkaitan dengan tanah atau sebagainya.
4. Pegawai-pegawai kerajaan jangan pula terlalu mementingkan status dan kedudukan mereka apabila berinteraksi dengan orang-orang adat.

Saranan Mengatasi Masalah Pembangunan Tanah Adat Terbiar

Memandangkan masalah yang menghalang kelancaran pentadbiran dan pembangunan tanah adat ini bukan berpunca daripada sistem Adat Perpatih sebagai satu cara hidup atau kebudayaan tetapi daripada individu-individu tertentu maka di sini dicadangkan

supaya kerajaan Negeri Sembilan menu-buhkan satu Jawatan Kuasa Pem-bangunan Tanah Adat. Ahli-ahli jawatankuasa ini harus dipilih lantik oleh pihak kerajaan Negeri Sembilan sendiri. Antara ahli tersebut ialah wakil Kerajaan Negeri Sembilan dan mungkin seorang daripadanya adalah dari Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri, Wakil agensi kerajaan yang terlibat, wakil pemimpin adat dan wakil pemaju/pengusaha.

Dalam kes wakil pemimpin adat, kerajaan negeri perlu meminta pencalonan beberapa nama dari pihak balai Undang/Penghulu. Daripada nama-nama calon itu pihak kerajaan negeri harus memilih lantik sekurang-kurangnya dua orang bagi setiap luak atas dasar tertentu. Antara kelayakan yang perlu dipertimbangkan, selain pencapaian akademik ialah personaliti atau kewibawaan, kedinamikan, pengalaman, ke-sanggupan dan pengetahuan tentang adat dan pentadbiran adat dan bukan adat. Pihak kerajaan negeri berhak menolak pencalonan tersebut seandainya calon-calon itu tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Jika ini berlaku maka pihak balai Undang/Penghulu harus mencalonkan nama baru.

Dalam mencari calon ini pihak balai Undang. Penghulu harus meminta pandangan dan nasihat pegawai-pegawai kerajaan serta anak buah tertentu. Dengan demikian diharapkan orang terpilih lantik itu tidak mementingkan statusnya sebagai datuk adat tetapi lebih pada kemajuan anak buah atau sukunya sejajar dengan perbilangan:

Hilang rupa dek penyakit,
Hilang darjat dek miskin,
Hilang suku dek tak beremas.

Malu tak dapat diagih,
Suku tak dapat dianjak.

Kok besar jangan melanda,
Kok cerdik jangan menipu.

Sekiranya berlaku penolakan calon yang dikemukakan oleh Balai Undang/Penghulu sebanyak tiga (3) kali oleh kerajaan Negeri maka kerajaan Negeri *berkuasa* untuk memilih lantik calon yang difikirkan sesuai daripada daftar nama datuk-datuk lembaga adat daripada luak berkenaan. Perlantikan kerajaan Negeri ini adalah muktamad dan semua pihak mesti akur kepadanya.

Rumusan dan Kesimpulan

Daripada huraian ringkas di atas, beberapa perkara dapat diutarakan dalam membicarakan peranan institusi adat di dalam pembangunan dan pentadbiran tanah pusaka adat.

1. Masalah timbul kerana hampir keseluruhan masyarakat adat, terutama sekali pemimpin-pemimpin adat, tidak faham akan semangat, falsafah serta prinsip adat.
2. Pemimpin-pemimpin adat cuba balik ke zaman keagungan Adat Perpatih, satu nostalgia yang disalah ertikan. Mereka lupa makna yang tersirat dalam perbilangan: *Berturas bertauladan* yang boleh dimengertikan: untuk berwibawa semula, mereka harus membuktikan kepada anak buah (generasi abad IT) yang mereka itu benar-benar pemimpin berkaliber bukan setakat: *Sampai ke mata dipicingkan, sampai ke perut dikempiskan*.
3. Pemimpin adat harus menyedari dan memahami bahawa sistem birokrasi Malaysia merdeka tidak sama dengan sistem kerajaan di zaman pemerintahan Melayu pada abad ke-17 dan abad-abad sebelumnya.
4. Ketua-ketua adat harus melihat semula tugas, peranan dan tanggungjawab mereka sebagai pemimpin dan pentadbiran tanah adat sebagaimana yang termaktub dan terlunas sama ada tersurat atau tersirat dalam semangat, falsafah dan aturan Adat Perpatih sendiri.
5. Oleh sebab keadaan dan perubahan masa serta pemerintahan negeri dan negara, ketua-ketua adat haruslah bekerjasama dan berganding bahu (konsep adat: *bergotong royong dan duduk sama rendah, berdiri sama tinggi*) dengan pihak kerajaan, pemimpin-pemimpin tidak formal baru dan pihak-pihak lain yang sanggup membangunkan tanah adat terbiar. Mereka harus menghayati dan mengamalkan perbilangan: *Ular menyusur akar tidak akan hilang bisanya atau pemukul jangan patah, tanah jangan lembang, ular biar mati*.
6. Memandangkan Adat Perpatih adalah berbeza daripada adat orang Melayu luar Negeri Sembilan, pegawai-pegawai kerajaan daripada semua lapisan, sebelum bertugas di Negeri

Sembilan wajib mengikuti kursus tentang Adat Perpatih. Ini bermakna pihak kerajaan Negeri Sembilan perlu dan harus memberi pengetahuan (dalam bentuk kursus atau bengkel) tentang Adat Perpatih kepada pegawai-pegawainya tanpa mengira sama ada pegawai berkenaan anak watan Negeri Sembilan ataupun orang luar dan tanpa mengira sama ada mereka itu pegawai kerajaan persekutuan atau pegawai kerajaan negeri. Setelah berpengetahuan tentang Adat Perpatih, seperti mana yang dilakukan oleh pegawai-pegawai tadbir British sebelum mereka menjajah Negeri Sembilan pada abad ke-19, barulah pegawai-pegawai kerajaan kini dapat mengasosiasikan diri, peranan dan tanggungjawab mereka

terhadap masyarakat tempatan. Dengan demikian, tidak berlaku pertindihan, persaingan dan konflik serta salah faham peranan dan rol antara pegawai-pegawai kerajaan dengan pemimpin-pemimpin adat khususnya Datuk Lembaga.

Akhir sekali daripada huraian yang diberikan, nyatalah Adat Perpatih itu dari segi semangat dan falsafah tidak menghalang malahan menggalakkan pembangunan tanah dan diri pengamalannya sendiri. Untuk mencapai tujuan dan matlamat ini Adat Perpatih melalui perbilangannya telahpun mengaturkan cara-caranya tertentu. Adat Perpatih jika diamalkan mengikut lunas-lunas praktikalnya yang telah sedia terbina di dalamnya semangat sendiri, boleh menghasilkan pengamal adat yang jati diri.

Nota

1. Kertas kerja yang telah dibentang dalam *Seminar Tertutup Pemantapan Nilai Islam dalam Sistem Adat Perpatih*, Pusat Dakwah Islamiah, Paroi, Seremban, pada 25 November, 1997.
2. Keseluruhan masyarakat Melayu Daerah Port Dickson, melainkan yang tinggal di bahagian bersempadanan dengan Daerah Seremban tidak mengamalkan Adat Perpatih.
3. Untuk huraian lanjut tentang perubahan sistem adat ini lihat Norhalim Hj. Ibrahim, 1993, Shamsul Amri, 1994 dan H.M. Dahlan, 1994.
4. Anak watan Negeri Sembilan harus berterima kasih atas usaha mereka ini, sebab jika tidak kerana kegigihan mereka, besar kemungkinan keseluruhan struktur dan organisasi Adat Perpatih itu telah hilang ditelan zaman.
5. Ini tidak bermaksud mempunyai hak milik peribadi tetapi setakat penjaga sahaja.
6. Sebagai contoh, Datuk Lembaga terlibat dalam upacara seperti berpuar, beratip jalan dan tekachi untuk memastikan ritual-ritual itu dilaksanakan dengan betul (Kato, 1988:116-124).
7. Untuk keterangan lanjut tentang hal ini lihat Abdul Samad Hadi, 1994; Mohd Hafiah Piei, 1994; dan Md. Ali Hasan, 1994.
8. Untuk keterangan lanjut bagaimana Adat Perpatih menekankan tentang pembangunan tanah kepada pengamalannya lihat Norhalim Hj. Ibrahim, 1993: 123-132; 1994:66-68 dan Zainal Kling, 1994:160-162.
9. Antaranya, lihat Norhalim Hj. Ibrahim, 1990, Mohd. Shah Hj. Lassim dan Norhalim Hj. Ibrahim, 1994; dan Rahman Razak, A. dan Sariah Meon, 1994.

BIBLIOGRAFI**Buku dan Artikel**

Abdul Samad Hadi. 'Penglibatan Orang Melayu Negeri Sembilan dalam Zaman Pembangunan' dlm. Samad Idris, A., Norhalim Hj. Ibrahim dll. (ed.). *Adat Merentas Zaman*. Seremban: Jawatan Kuasa Penyelidikan dan Budaya Negeri Sembilan. 1994:218-245.

- Azizah Kassim. 'Women, Land and Gender Relations in Negeri Sembilan: Some Preliminary Findings'. dlm. Kato, T. dan Shamsul A.B. (ed.). *Socio-economics Change and Cultural Transformation in Rural Malaysia*. Kyoto: Kyoto University. 1988:132-149.
- Dahlan, H.M. 'Sistem Idea Dalam Masyarakat Adat (Suatu Renungan Tentang Struktur Sosial Adat Perpatih)' dlm. Samad Idris, A., Norhalim Hj. Ibrahim, dll. (ed.). *Adat Merentas Zaman*. Seremban: Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan. 1994:74-92.
- Kato, T. 'Agricultural Rituals and Rice Cultivation in Negeri Sembilan: Reconstruction from Oral History'. dlm. Kato, T. dan Shamsul A.B. (ed.). *Socio-economics Change and Cultural Transformation in Rural Malaysia*. Kyoto: Kyoto University, 1988: 108 : 9-132.
- Md. Ali Hasan. 'Implikasi Nilai-nilai Kebudayaan Akibat Daripada Perindustrian dan Pemodenan: Dengan Merujuk Secara Umum kepada Sistem Masyarakat Adat Perpatih Negeri Sembilan'. dlm. Samad Idris, A., Norhalim Hj. Ibrahim, dll. (ed.). *Adat Merentas Zaman*. Seremban: Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan. 1994:207-217.
- Mohd. Haflah Piei. 'Profil Sosioekonomi Masyarakat Melayu Rembau: Satu Perbincangan dari Segi Adat Perpatih'. dlm. Samad Idris, A., Norhalim Hj. Ibrahim, dll. (ed.). *Adat Merentas Zaman*. Seremban: Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan. 1994:246-263.
- Mohd. Shah Lassim dan Norhalim Hj. Ibrahim. 'Tanah-tanah Terbiar: Satu Cadangan Pembangunan'. dlm. Samad Idris, A., Norhalim Hj. Ibrahim, dll. (ed.). *Adat Merentas Zaman*. Seremban: Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan. 1994:166-178.
- Nadzan Haron. 'Pentadbiran Tanah Masyarakat Adat di Kuala Pilah 1877-1957: Satu Kajian dari Perspektif Sejarah'. dlm. Samad Idris, A., Norhalim Hj. Ibrahim, dll. (ed.). *Adat Merentas Zaman*. Seremban: Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan. 1994:9-37.
- Norhalim Hj. Ibrahim. 'Social Change in Rembau'. *Journal of the Malaysian Branch Royal Asiatic Society*, 50 (2). 1977:136-149.
- Norhalim Hj. Ibrahim. 'Some Observations on Adat and Adat Leadership in Rembau, Negeri Sembilan'. dlm. Kato, T. dan Shamsul, A.B. (ed.). *Socio-economics Change and Cultural Transformation in Rural Malaysia*. Kyoto: Kyoto University. 1988:150-166.

Norhalim Hj. Ibrahim. *Adat Perpatih*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. 1993.

Norhalim Hj. Ibrahim. 'Sistem Adat Masyarakat Negeri Sembilan. (Suatu Pengenalan Ringkas)'. dlm. Samad Idris, A., Norhalim Hj. Ibrahim, dll. (ed.). *Adat Merentas Zaman*. Seremban: Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan. 1994:58-73.

Norhalim Hj. Ibrahim. 'Perkembangan dan Perubahan Adat Negeri Sembilan'. dlm. Wan Abdul Kadir dan Zainal Abidin Borhan. (ed.). *Fenomena 2*. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya 1993a:240-257.

Rahman Razak, A. dan Sariah Meon. 'Permodenan Pertanian di Dalam Masyarakat di Negeri Sembilan'. dlm. Samad Idris, A., Norhalim Hj. Ibrahim, dll. (ed.). *Adat Merentas Zaman*. Seremban: Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan. 1994:199-206.

Shamsul Amri Baharuddin. 'Adat Perpatih Mencabar Zaman: Suatu Ulasan Seimbis Pandangan'. dlm. Samad Idris, A., Norhalim Hj. Ibrahim, dll. (ed.). *Adat Merentas Zaman*. Seremban: Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan. 1994:166-178.

Zainal Kling. 'Prinsip Adat dan Pembangunan Masyarakat'. dlm. Samad Idris, A., Norhalim Hj. Ibrahim, dll. (ed.). *Adat Merentas Zaman*. Seremban: Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan. 1994:147-165.

Ziauddin Shahrudin. 'Banyak Faktor Punca Tanah Adat Terbiar'. *Berita Harian*/Isnin. Ruangan Tengah. 1 September 1997:2.

Dokumen

Minit Mesyuarat Khas Penubuhan Ahli Jawatan Kuasa Induk Tanah Terbiar Kampung Sepri. Pejabat Tanah Sawah Terbiar, Sepri, Rembau. 2 November 1997.

Minit Mesyuarat Taklimat Khas Tanah Yang Terbiar, dan Setengah Darinya Telah Dibangunkan. Balai Undang Rembau. 9 Ogos, 1997.

Pembangunan Tanah Adat Terbiar Daerah Rembau. Pejabat Tanah Adat Sawah Terbiar Rembau. 1997.

Surat Perjanjian Sewa Tanah Sawah Terbiar Tanah Adat Kampung Chengkau Ulu, Kota Rembau. Pejabat Tanah Sawah terbiar Rembau. t.t.

Jadual 1:**Keluasan Tanah Adat Berbanding Tanah Rizab Melayu dan Keseluruhan Negeri Sembilan Pada Tahun 1996**

Daerah	Keluasan (Hektar)		
	Keseluruhan	Rizab Melayu	Tanah Adat
Kuala Pilah	109,042	83,300.02	7,284.53
Rembau	41,418	31,866.07	5,131.72
Tampin	87,805	24,355.24	838.59
Jempol	138,569	15,949.32	687.87
Jelevu	136,756	45,730.60	39/23
Seremban	95,133	-	-
Port Dickson	55,663	-	-
Jumlah	664,386	201,201.25	13,981.94

Sumber: Pejabat Tanah dan Galian Negeri Sembilan

Jadual 2:**Tanah Terbiar yang Telah Dimajukan oleh Jawatankuasa Projek Sawah Terbiar (Tanah Adat) Daerah Rembau**

Kawasan/ Zon	Luas (Ekar)	Jenis Tanaman	Tarikh Perjanjian	
			Mula	Tamat
Sepri	127	Rumput	1994	2000
Sepri	8	Pokok Teja	1994	2000
Semerbok	24	Rumput	1995	2001
Pulau Mampat	30	Rumput	1996	2001
Durian Tunggal	24	Pokok Teja	1994	2005
Legong Ulu	36	Sayuran	1995	1998
Solok Jelawi	20	Sayuran	1996	2001
Perigi Jernih	10	Sayuran	1995	2005
Astana Raja	70	Rumput	1996	2001
Tambang Kuda	20	Sayuran	1996	2003
Chengkau Ulu	250	Rumput/Sawit	1997*	-
Jumlah	619			

* Projek ini telah bermula pada bulan Julai 1997. Sewa tanah yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak iaitu pemaju/pengusaha dengan tuan tanah ialah RM 80.00 setahun melainkan kawasan/zon Tambang Kuda yang sewanya ialah RM 100.00 setahun.